

# Jual ikan terus dari laut

*Sistem itu bertujuan atasi isu orang tengah yang sering memanipulasi harga ikan*

SERDANG


Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) membangunkan satu sistem baharu yang membolehkan hasil tangkapan nelayan dijual ketika mereka masih lagi berada di lautan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, inisiatif itu antara langkah diambil kementerian bagi meningkatkan pendapatan nelayan sebagaimana digariskan dalam pelan hala tuju meningkatkan pendapatan golongan itu.

Menurutnya, sistem itu apabila siap kelak akan melengkapkan kegunaan aplikasi paparan harga ikan dimiliki Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Sistem ini membolehkan nelayan yang turun ke laut menjual hasil tangkapan tanpa perlu menunggu sehingga meridarat seperti amalan sebelum ini.

"Dengan bantuan aplikasi harga pasaran dimiliki LKIM, nelayan boleh mengenal pasti harga semasa ikan dan terus menjualnya melalui sistem yang dibangunkan itu," katanya pada sidang media selepas sesi pertemuan bersama ejen pengembangan perikanan yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah



Salahuddin (kanan) melawat gerai jualan ikan merah batu sempena Program Kecemerlangan Jabatan Perikanan, semalam.

Perikanan, Datuk Dr Bah Pijan Tan di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini, semalam.

Salahuddin berkata, pengenalan sistem itu juga antara lain bertujuan mengatasi isu orang tengah yang sering memanipulasi harga ikan dan merugikan nelayan.

Sementara itu katanya, kementerian juga sedia memindah atau mencadangkan akta baharu bagi menghalang kegiatan melepaskan ikan daripada spesies larangan ke sungai, tasik dan lombong di seluruh negara.

Menurutnya, beliau perlu terlebih dahulu mendapatkan maklumat atau gambaran jelas mengenai perkara tersebut daripada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) selaku agensi bertanggungjawab.

"Saya akan adakan perbincangan lanjut dengan Jabatan Perikanan bagi melihat sejauh mana seri-

usnya situasi tersebut.

"Jika perlu, saya fikir kita perlu merangka satu akta baharu atau meminda mana-mana akta sedia ada untuk menangani hal ini di masa depan," katanya, mengulas laporan sebuah akhbar tempatan berhubung kewujudan spesies ikan larangan atau spesies alien di kawasan perairan di pantai timur.

Salahuddin juga menyambut baik saranan Jabatan Perikanan yang mahu pindaan dibuat terhadap Kaedah-Kaedah Perikanan Sungai di peringkat negeri agar aktiviti pelepasan spesies ikan eksotik boleh dikawal dan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanaan dengan berkesan.

Untuk rekod, antara ikan dilarang dilepaskan ke perairan umum ialah keli Afrika, piranha, flower horn, bawal merah, ikan naga dan ikan buaya. - Bernama